

TARIKH	24 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	23	RUANGAN	blm negeri



KETUA Rombongan Haji Malaysia, Syed Salleh Syed Abdul Rahman (dua dari kanan) menyambut ketibaan sebahagian daripada 400 jemaah haji tajaan Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang selamat sampai ke Kota Madinah pada pukul 6 petang (waktu Arab Saudi), semalam.

Rombongan haji 1MDB tiba di Madinah

MADINAH 23 Sept. - Seramai 400 jemaah haji di bawah program tajaan haji 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tiba di sini, Sabtu.

Rombongan itu, yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 12.30 tengah malam semalam (waktu Malaysia), tiba di Madinah pada 6 petang (waktu Arab Saudi) dengan pesawat MH8010.

Mereka ditempatkan di Hotel Movenpick, yang terletak hanya kira-kira 30 meter dari Masjid Nabawi.

Turut serta dalam rombongan

**DARI
TANAH SUCI**

itu ialah Ketua Rombongan Haji Malaysia dari Lembaga Tabung Haji, Tengku Aziz Raja Abdullah dan Ketua Perhubungan Raya dan Media program itu, Zahari Sulaiman.

Sementara itu, Zahari berkata, program tajaan haji 1MDB itu harus diteruskan pada tahun depan me-

mandangkan ramai imam dan ketua kampung yang belum berkesempatan menunaikan haji.

Beliau berkata, program itu yang dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah inisiatif yang amat baik bagi membantu mereka menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Tahun lepas, seramai 111 orang yang menunaikan haji di bawah program ini dan kami berharap dapat membawa lebih ramai lagi pada tahun depan," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan haji di sini. - BERNAMA